

Jangan panik, ringgit mampu pulih – Johari

Oleh ZUNAIDAH ZAINON
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 19 Dis. – Kerajaan tidak akan melaksanakan sebarang pakej rangsangan ekonomi untuk memastikan ringgit kembali pulih sebaliknya meminta semua pihak supaya tidak panik dalam menghadapi keadaan pasaran kewangan yang tidak menentu ketika ini.

Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani berkata, ini kerana Malaysia memiliki ekosistem seperti kestabilan politik dan polisi yang dilaksanakan kerajaan untuk memudahkan pelabur asing dalam membantu membawa ringgit kembali ke paras asal.

Katanya, tiada keperluan untuk melaksanakan kawalan modal mahupun tambatan ringgit, sebaliknya membenarkan aliran keluar masuk wang memandangkan Malaysia adalah sebuah negara ekonomi terbuka sekali gus dapat memastikan pelabur kembali kepada pasaran apabila keadaan pulih.

“Kesemua faktor utama ini akan menjadikan ringgit kembali pulih dan kita tidak sepatutnya panik. Ini kerana ringgit mula tidak menentu sejak Mac lalu dengan mengambil kira banyak faktor, malah berlaku sebelum Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (AS) menaikkan kadar faedah pada minggu lalu.

“Dalam masa sama, kerajaan juga telah melaksanakan ban-



Tiada keperluan untuk melaksanakan kawalan modal mahupun tambatan ringgit sebaliknya membenarkan aliran keluar masuk wang memandangkan Malaysia adalah sebuah negara ekonomi terbuka sekali gus dapat memastikan pelabur kembali kepada pasaran apabila keadaan pulih.”

JOHARI ABDUL GHANI
Menteri Kewangan II

yak rangsangan ekonomi dan secara tidak langsung ini dapat dilihat pada pelaburan dalam pengangkutan awam misalnya Aliran Transit Ringan (LRT), Mass Rapid Transit (MRT) dan kereta api berkelajuan tinggi. Jadi, tidak perlu tambah lagi kerana ekonomi kita tidak menguncup sebaliknya berkembang berbanding negara ASEAN yang lain,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis menandatangani kerjasama strategik antara Amanah Raya Berhad (ARB) dan syarikat pengurusan aset hartanah terbesar Jepun, Kenedix Inc. di sini hari ini.

Yang turut hadir Duta Jepun ke Malaysia, Dr. Makio Miyagawa; Pengerusi ARB, Tan Sri Sabbarudin Chik; Pengarah Urusan Kumpulan ARB, Adenan Md. Yusof; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Kenedix Inc., Taisuke Miyagi; Pengarah Kenedix Inc., Taiji Yoshikawa dan Presiden Kenedix Asia Pte. Ltd., Akihiro Nakao.

Ringgit mencecah paras terendahnya sejak Januari 1998 dengan kemerosotan teruk yang dialami oleh pelbagai mata wang negara berkembang pesat, susulan pengumuman kenaikan kadar faedah AS sepanjang 2017.

Pagi ini, ringgit dibuka lebih

rendah pada RM4.4805 berbanding dolar AS.

Semasa penutupan pada Jumaat lalu, ringgit berada pada paras RM4.4775 berbanding dolar AS, sekali gus mengatasi paras RM4.4770 yang dicatatkan pada September 2015 yang pada waktu itu dianggap paras terendah mata wang Malaysia sejak 1998.

Pengerusi Rizab AS, Janet Yellen mengumumkan kenaikan kadar faedah itu awal pagi 15 Disember lalu dan turut mengejutkan kebanyakan pemerhati pasaran dengan membayangkan tiga kali kenaikan pada tahun depan. Kali terakhir kadar rizab AS dinaikkan ialah pada 2008.

Menyentuh nilai saksama ringgit, Johari berkata, ia bergantung kepada paras yang diperlukan oleh industri memandangkan turun naik mata wang merupakan sebahagian daripada mekanisme ekonomi yang diselaraskan bergantung kepada permintaan dan bekalan dalam pasaran.

Mengenai jangkaan kenaikan kadar faedah AS, beliau berkata, semuanya bergantung kepada dasar Donald Trump (yang baru memenangi pilihan raya Presiden AS) tetapi buat masa ini, Malaysia hanya mengambil pendirian tunggu dan lihat seperti negara-negara lain.

Malaysia memiliki

ekosistem memudahkan pelabur bantu kestabilan ringgit

Kawalan modal,

tambatan ringgit tidak perlu dilaksanakan

Banyak faktor

jejaskan ringgit

Malaysia

sebuah negara ekonomi terbuka